



8 delegasi UMT lawat PPKPK

Oleh : WAN AZLEE HAJI WAN ABDULLAH

Pusat Pembangunan Korporat & Pengurusan Kualiti (PPKPK), Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah menerima lawatan kerja rasmi daripada lapan orang staf Pusat Transformasi, Perancangan Strategik dan Risiko, Universiti Malaysia Terengganu (UMT) pada 19 Februari 2013 yang lalu.

Lawatan yang diketuai Pengarah Pusat Pengurusan Teknologi Maklumat, Profesor Madya Dr. Mohd Pouzi Hamzah itu turut disertai oleh Ketua Pengurusan Risiko, Dr. Mohd Nazli Mohd Nor, Ketua Transformasi, Dr. Zainal Abdullah dan enam pegawai yang lain.

Menurut Pegawai Teknologi Maklumat Kanan, PPKPK, Wan Azlee Haji Wan Abdullah, antara tujuan utama lawatan tersebut ialah khusus kepada pengurusan kualiti dan pengurusan data.

“Selain itu, delegasi turut mempelajari bagaimana untuk membangunkan sebuah aplikasi yang mampu menyatukan data-data

yang diselarikan di bawah bahagian atau pusat tanggungjawab seperti PSPTN, MyRA, SETARA, D-SETARA, MyMoheS dan lain-lain.

“Antara tujuan lain lawatan ialah untuk mempelajari amalan terbaik yang diguna pakai oleh PPKPK dalam mengurus data-data dan maklumat rasmi universiti dan mempelajari peranan yang dimainkan oleh UMP dalam meningkatkan imej dan kedudukan (*ranking*) universiti.

“Di samping itu juga, pihak PPKPK turut berkongsi pengalaman mengenai strategi korporat, budaya korporat dan pengurusan kerja yang dilaksanakan oleh PPKPK,” ujar beliau.

Tambah Wan Azlee lagi, lawatan ini diharap dapat meningkatkan lagi hubungan dua hala antara PPKPK dengan Pusat Transformasi, Perancangan Strategik dan Risiko, UMT di samping meluaskan jaringan hubungan kerjasama dalam bentuk konsultasi, pertukaran idea dan sebagainya.

